

# Bukan sekadar keabsahan

UM - 25/12/2022

m/s: 11

**S**IDANG pertama Parli-  
men menyaksikan  
Perdana Menteri,  
Datuk Seri Anwar  
Ibrahim melepasi  
ujian usul undi percaya  
terhadap kepimpinan beliau  
membuktikan keabsahannya  
sebagai ketua eksekutif negara.  
Hari yang bersejarah dan  
mendebarkan genap sebulan  
selepas keputusan pilihan  
raya umum apabila tiada parti  
memiliki majoriti membentuk  
kerajaan.

Kerajaan Perpaduan yang  
ditubuhkan melakar kejayaan  
dan meleraikan kemelut politik  
berpanjangan yang menjejaskan  
kestabilan politik dan ekonomi.  
Mandat yang diberi ini juga  
bermakna Malaysia tidak perlu  
lagi melihat kuasa Perdana  
Menteri bertukar tangan dalam  
tempoh Pilihan Raya ke-15.  
Strategi Anwar memeterai  
perjanjian persefahaman ker-  
jasama dengan blok politik  
lebih kecil yang menyokong  
kerajaan pimpinannya sebe-  
lum sidang bermula, ternyata  
menyelamatkan keadaan keti-  
daktentuan dalam parlimen.

Lima gabungan politik  
utama - Pakatan Harapan  
(PH), Barisan Nasional (BN),  
Gabungan Parti Sarawak (GPS),  
Gabungan Rakyat Sabah (GRS),  
dan Parti Warisan (Warisan)  
menandatangani perjanjian  
persefahaman kerjasama bagi  
menjamin kestabilan politik  
serta memacu ekonomi negara.

Antara kandungan perjanjian

itu adalah kegagalan Ahli  
Parlimen dalam gabungan  
Kerajaan Perpaduan mengundi  
atau menyokong Perdana  
Menteri dalam usul berkait  
dengan usul percaya,  
perbekalan atau sebarang  
usul berbentuk prosedur  
yang mempunyai kesan  
kepada keabsahan Kerajaan  
Persekutuan, dikira meletak  
jawatan.

Kejayaan Anwar  
membuktikan keabsahan  
sebagai Perdana Menteri pada  
hari pertama sidang Parlimen  
selepas melalui satu Usul Percaya  
mendapat keabsahan dukungan  
majoriti di Dewan Rakyat. Usul  
berkenaan dibentang oleh  
Timbalan Perdana Menteri,  
Fadillah Yusof bagi menyokong  
kepimpinan Anwar serta  
dibahaskan oleh Ahli Dewan  
Rakyat blok kerajaan dan  
pembangkang. Speaker Dewan  
Rakyat Johari Abdul kemudian  
mengumumkan bahawa  
usul undi percaya terhadap  
keabsahan Perdana Menteri yang  
berjalan lebih tiga jam diluluskan  
melalui suara majoriti.

Undi percaya itu dilihat  
sebagai ujian pertama Anwar  
untuk membuktikan Kerajaan  
Perpaduan dibentuk dengan  
kukuh dan stabil selepas beliau  
dilantik menjadi Perdana  
Menteri dengan sokongan PH  
pimpinannya serta beberapa  
blok politik lain termasuk BN  
dan GPS.

Jumlah sokongan diperoleh  
Anwar bagaimanapun tidak



**ANWAR Ibrahim bersama Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi pada Mesyuarat Pertama Penggal Pertama Parlimen ke-15 di Bangunan Parlimen, Isnin lalu. - IHSAN JABATAN PENERANGAN MALAYSIA**

melibatkan pembangkang di  
bawah blok Perikatan Nasional  
(PN) mengambil pendirian untuk  
tidak terlibat dalam proses  
pengundian, yang menyaksikan  
sokongan terhadap usul itu  
hanya ditentukan melalui undian  
suara.

Untuk rekod proses  
memanggil undi percaya di  
Parlimen bukanlah kali pertama  
dalam sejarah politik Malaysia.  
Pada 1976 ketika negara ditadbir  
Perdana Menteri ketiga, Tun  
Hussein Onn selepas kematian  
Tun Abdul Razak Hussein  
manakala pada 2003 semasa  
peralihan kuasa daripada  
Tun Dr. Mahathir Mohamad  
kepada Tun Abdullah Ahmad  
Badawi. Namun proses undi  
percaya kali ini kelihatan lebih  
teratur dan sesuai berbanding  
kaedah mengumpulkan  
akuan berkanun yang sering  
dilakukan sebelumnya.

Malahan kejayaan itu sebagai  
bukti kukuh sokongan Ahli  
Parlimen terhadap kepimpinan  
Anwar dan menafikan pihak  
yang masih mempertikaikan  
pelantikannya sebagai Perdana  
Menteri kerana parti politiknya  
tidak mendapat majoriti mudah  
dalam PRU-15.

Bagaimanapun, ini tidak  
bermaksud akan menghentikan  
usaha PN untuk cuba  
mengambil alih kuasa pada  
masa hadapan kerana ia adalah  
sebahagian daripada percaturan  
politik dan tidak salah selagi  
dilakukan mengikut lunas  
undang-undang. Malahan  
Ketua Pembangkang, Datuk  
Seri Hamzah Zainuddin,  
ketika membahaskan usul itu,  
mendakwa perjanjian tersebut  
adalah bercanggah dengan  
Perlembagaan Persekutuan  
kerana ia menghalang  
kebebasan Ahli Parlimen dalam  
proses pengundian.

Dalam negara demokrasi  
kewujudan blok pembangkang  
dalam parlimen adalah baik  
kerana akan wujud *check and  
balance* dalam kerajaan. Di  
sudut lain, blok pembangkang  
melihat usul ini dianggap  
'gimik' kerana ia dilakukan  
selepas satu perjanjian  
persefahaman ditandatangani  
semua pemimpin gabungan  
parti yang menyokong PH.

Kedengarannya juga  
persoalan, adakah usul ini  
mempersoal kuasa dan  
keputusan yang dibuat Yang  
di-Pertuan Agong? Sejauh  
mana dakwaan setengah  
pihak mengatakan perjanjian  
itu melanggar prinsip asas  
demokrasi berparlimen  
yang terpelihara di bawah  
Perlembagaan Persekutuan?

Apa pun dengan wujudnya  
undi percaya di parlimen  
ini telah dapat meredakan  
suhu politik selama ini  
dan memuktamad dan  
mengabsahkan pelantikan

Perdana Menteri Malaysia  
ke 10. Anwar turut memberi  
jaminan kepada Dewan Rakyat  
bahawa Kerajaan Perpaduan  
akan sentiasa menegakkan  
Perlembagaan Persekutuan dan  
hak semua rakyat Malaysia.

Rasa syukur dan terima  
kasih serta penghargaan atas  
kepercayaan dan sokongan  
yang jelas dan tegas terhadap  
Perdana Menteri secara jelas  
mengharap agar semua pihak  
buat masa kini memfokuskan  
kepada bekerja dan  
menjelmakan perubahan yang  
dibutuhkan rakyat.

Inilah masanya untuk beliau  
membuktikan segala misi dan  
visi perjuangan serta manifesto  
yang dijanjikan semasa  
berkempen dapat dilaksanakan.  
Keutamaan masa kini adalah  
bekerja untuk rakyat dan bukan  
berpolitik berpanjangan.

Kerajaan Perpaduan diharap  
terus komited untuk menggalas  
amanah mengutamakan  
kesejahteraan rakyat. Kerajaan  
perlu melipatgandakan  
usaha melaksanakan segala  
gerak kerja termasuk  
menyusun strategi baharu  
bagi mempersiapkan negara  
menghadapi cabaran politik,  
ekonomi, sosial, perubahan  
persekitaran dan sebagainya.

Apatah lagi menyedari  
bahawa prospek ekonomi  
global 2023 dijangka mengalami  
kemelesetan, adalah penting  
Kerajaan Perpaduan mendapat  
sokongan dalam kalangan Ahli-  
ahli Dewan Rakyat.

Dalam keadaan berhadapan  
risiko banjir yang melanda  
beberapa buah negeri menjadi  
fokus dan keutamaan. Ini  
bukan lagi masa untuk  
berpolitik dan menabur fitnah  
sehingga merencat banyak  
projek pembangunan yang  
tergendala selama ini. Malaysia  
juga masih lagi berhadapan  
risiko pandemik COVID19  
yang mungkin akan berulang  
menanti tindakan berstrategik  
pimpinan Anwar.

Justeru, rakyat menanti  
keterampilan dan ketokohan  
Anwar dalam menangani  
pelbagai isu rakyat terutamanya  
persoalan kos sara hidup.  
Maka, sokongan undi percaya  
terhadap Perdana Menteri  
menjadi katalis dan manifestasi  
kepada kesejahteraan rakyat,  
membawa kestabilan politik  
dan kemakmuran ekonomi.

Prof. Datuk Dr Ismail Sualman, Pusat  
Pengajian Komunikasi dan Media Kolej  
Pengajian Pengkomputeran, Informatik  
dan Media Universiti Teknologi MARA

**MALAYSIA KITA**

**MARO**

